

10 TIP KEWANGAN UNTUK MAHASISWA



1 BERNIAGA KECIL-KECILAN
Carilah apa-apa ruang dan peluang yang ada, ini kerana habis-habis belajar belum tentu ada kerja yang menanti. Jadi bila sudah ada pengalaman berniaga sewaktu belajar, jika terpaksa menganggur untuk satu tempoh masa sudah tahu nak buat apa.

2 RAJIN-RAJIN BELAJAR TENTANG KEWANGAN DAN PELABURAN
Pergi seminar-seminar berkaitan walaupun bukan orang fakulti ekonomi dan pengurusan.

3 JIKA TIDAK ADA YANG ANJURKAN, BUAT SENDIRI
Sukarela anjurkan program tersebut di kampus masing-masing. Jadi pengarah selain minta izin presiden persatuan.

4 BELAJAR CARA BERKOMUNIKASI DENGAN BETUL
Hantar emel kepada bakal majikan, bakal tempat buat latihan industri, bakal penaja program, berurusan dengan speaker menggunakan emel yang menggunakan nama bahasa standard.

5 CARI KAWAN SATU KEPALA
Kawan sahaja dengan semua orang. Tetapi, pastikan salah satu geng itu adalah mereka yang suka nak belajar tentang kewangan dan pelaburan.

6 MENYIMPAN SEBANYAK MUNGKIN
Buka akaun Tabung Haji atau

ASB. Jika dapat PTPTN, biasiswa, duit dari mak ayah, simpanlah walaupun sedikit. Sekiranya semasa belajar lagi sudah berdisiplin menyimpan, cerah masa depan.

7 KUASAI BAHASA KEDUA DENGAN BAIK
Paling kurang boleh membaca dalam Bahasa Inggeris dan seterusnya bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Perancis untuk timba ilmu kewangan serta pelaburan.

8 SEKIRANYA MAMPU SEKALIPUN PAKAI GAJET BIASA-BIASA DULU
Ketahuilah, pembelian kereta adalah punca ramai graduan tak cukup duit lepas dapat gaji.

9 BIASAKAN MEMBERI DARI SEKARANG
Latih diri untuk berkongsi nikmat dengan orang lain dari sekarang selain menjadi sukarelawan. Walaupun nilai di mata kasar nampak sedikit. Memberi ini tanda bersyukur. Apabila jadi orang yang bersyukur, maka rezeki pun jadi murah.

10 RAJIN BERTANYA
Mahasiswa ini golongan yang disukai ramai pihak, malah otai-otai bisnes pun kalau ada sekumpulan mahasiswa nak jumpa pun mereka suka. Jadi, bila ada peluang sebegitu, jadikan perjumpaan itu ada komunikasi dua hala.

